

11 MAY 2000

Mahathir-Luar

DR MAHATHIR DIKUNJUNGI PEMERHATI LUAR NEGARA

KUALA LUMPUR, 11 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meluangkan masa bertemu pemerhati dari parti-parti luar negara dan wakil kedutaan asing yang diundang ke Perhimpunan Agung Umno ke-54 di sini hari ini.

Perdana Menteri menghabiskan masa kira-kira satu jam bertukar-tukar pendapat dengan tetamu-tetamu khas itu secara berasingan di Bilik Perdana, ibu pejabat parti di Pusat Dagangan Dunia Putra.

Mereka yang terdiri daripada 49 orang itu mewakili 19 parti dari 16 negara, iaitu dari Laos, Libya, Iraq, Vietnam, Myanmar, Indonesia, China, Afrika Selatan, Filipina, Bosnia, Cuba, Yemen, Kemboja, Sudan, Singapura dan Korea Selatan.

Dr Mahathir juga dikunjungi sekumpulan pelajar Universiti Perubatan Antarabangsa (IMU) di sini yang tidak dapat melanjutkan kursus mereka di luar negeri seperti yang dijanjikan dalam kontrak dengan MARA.

Mohamed Hafaruzi Harun, 21, yang mewakili kumpulan 34 pelajar itu, berkata mereka sepatutnya menghabiskan baki tiga tahun pengajian mereka di luar negara.

"Kami sekarang dalam semester akhir di IMU di Bukit Jalil dan mengikut kontrak, akan dihantar ke luar negeri untuk menamatkan baki pengajian," katanya.

Bagaimanapun, mereka kini diminta mendaftar di Sekolah Klinikal IMU di Seremban bagi melanjutkan pengajian peringkat klinikal dan esok adalah tarikh akhir bagi mereka berbuat demikian.

"Kami merayu kepada Perdana Menteri supaya dapat membantu kami. Perkara ini telah dibawa kepada pengetahuan beberapa pihak tetapi tiada tindakan," katanya.

Mohamed Hafaruzi berkata Dr Mahathir berjanji untuk berbuat sesuatu membantu mereka dan sedia meminta IMU melanjutkan tarikh pendaftaran.

-- BERNAMA

AR MAI